

**Perkasa Peringkat Cawangan Bagi Peningkat Keyakinan Akar Umbi Umno
Selangor
Bernama
14 Ogos, 2013**

SHAH ALAM, 14 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Noh Omar berkata peringkat cawangan parti itu perlu diperkasa bagi meyakinkan masyarakat di akar umbi bahawa Umno masih bernafas dan bergerak untuk membela nasib rakyat, dan ia perlu dimanifestasi menerusi perjalanan mesyuarat agung yang lancar.

Justeru, beliau meminta lebih 2,300 cawangan Umno di Selangor mengadakan mesyuarat agung dan pemilihan jawatankuasa mengikut peraturan agar ia dapat dilakukan dengan adil serta tidak menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan anggota parti berkenaan.

"Mesyuarat Agung cawangan ini terbuka kepada ahli parti dan diharap tidak ada masalah seperti ahli tidak tahu tempat mesyuarat, atau tempat mesyuarat diubah tanpa notis menyeluruh kepada ahli," katanya kepada pemberita selepas taklimat Jawatankuasa Pemilihan Umno Selangor yang dihadiri wakil seluruh bahagian Umno di sini hari ini.

Beliau berkata pada kali ini, pengerusi mesyuarat, wakil bahagian dan wakil Jawatankuasa Pemantau Pemilihan Umno negeri perlu mengesahkan mesyuarat agung cawangan.

Noh juga berkata Jawatankuasa Pemantau Pemilihan Umno negeri dianggotai ahli yang tidak memegang jawatan dalam parti dan diketuai Tan Sri Abu Hassan Omar.

Setakat ini, beliau berkata 20 cawangan Umno di Selangor mengadakan mesyuarat agung masing-masing sejak 15 Julai lepas, dan bakinya akan berbuat demikian sehingga tamat tempoh mengadakan mesyuarat berkenaan iaitu pada 15 Sept ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=969919>